

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 11 JUN 2015

SOALAN:

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan jumlah dana yang diuruskan oleh Forest Plantation Development Sdn. Bhd. Untuk dipinjamkan kepada pengusaha-pengusaha penanaman pokok balak dan berapakah pekerja yang digaji untuk mengurus dana ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Forest Plantation Development Sdn. Bhd. (FPDSB) menguruskan dana berjumlah RM1.045 bilion untuk dipinjamkan kepada pengusaha di bawah skim Program Pembangunan Ladang Hutan (PPLH). Dana tersebut diperuntukkan bagi membangunkan ladang hutan seluas 375,000 hektar untuk tempoh masa 15 tahun iaitu, dari tahun 2006 hingga 2020. Jumlah pekerja FPDSB adalah seramai 11 orang.

Walau bagaimanapun, tugas-tugas penyeliaan dan pemantauan PPLH turut dibantu oleh pegawai-pegawai Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) dari ibu pejabat serta pejabat MTIB wilayah dan cawangan negeri.

Sekian, terima kasih.